

# DASAR SUKAN NEGARA 2009

## MUKADIMAH

Sukan adalah agen perpaduan yang berkesan bagi segenap lapisan masyarakat. Dalam perspektif ini, Malaysia adalah antara negara yang telah terbukti berjaya menggunakan sukan sebagai platform kepada pengukuhan integrasi nasional. Sukan merupakan contoh di dalam mendukung aspirasi 1Malaysia yang melangkaui batasan agama, bangsa dan politik. Bagi mengukuhkan lagi pencapaian sukan ke arah kegemilangan imej negara, Dasar Sukan Negara perlu menjalani semakan berkala agar ianya dinamik bersesuaian dengan kaedah, pemikiran dan teknologi terkini selaras dengan perkembangan dan keperluan sukan di persada antarabangsa.

Matlamat utama pengubalan Dasar Sukan Negara adalah untuk mewujudkan **budaya sukan**<sup>1</sup> di kalangan rakyat Malaysia. Budaya sukan ini merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan dan kegiatan fizikal melalui **Sukan Untuk Semua**<sup>2</sup>, **Sukan Prestasi Tinggi**<sup>3</sup> dan sukan sebagai industri.

Dasar Sukan Negara menggariskan matlamat, objektif, strategi, peranan dan tanggungjawab setiap agensi Kerajaan, bukan Kerajaan, persatuan-persatuan sukan, rekreasi dan kecergasan, majlis-majlis sukan, institusi-institusi pengajian serta badan dan individu yang terlibat dengan sukan.

## **PENYATAAN DASAR**

Dasar Sukan Negara merupakan dasar pembangunan sukan ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

## **RASIONAL**

Dasar ini adalah untuk semua lapisan masyarakat, merangkumi program-program Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi. Penggubalannya adalah berlandaskan rancangan pembangunan negara. Sukan diberi pengiktirafan, penghormatan dan penggalakan yang sama penting dengan sektor sosial yang lain bagi mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan.

Sukan mampu menggalakkan pertandingan yang sihat, sikap muhibah dan toleransi yang tinggi, persefahaman dan pembinaan kualiti moral dan fizikal yang berterusan. Sukan memberi peluang dan ruang untuk mengintegrasikan pelbagai kaum kepada satu masyarakat yang bersatu padu ke arah pemupukan maruah bangsa dan negara. Sukan memberi manfaat yang amat besar terhadap aspek kemanusiaan sejagat yang melibatkan peranan individu, masyarakat dan negara.

Di peringkat individu, sukan menyumbang kepada:

- pembentukan sahsiah positif, kesedaran diri dan berdaya saing;

- peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal menerusi penggunaan **masa senggang**<sup>4</sup> secara berfaedah;
- pengukuhan interaksi sosial; dan
- penguasaan **kemahiran pergerakan**<sup>5</sup> **asas**<sup>6</sup> dan **kompleks**<sup>7</sup>.

Di peringkat masyarakat, sukan menyumbang kepada:

- peningkatan jalinan perhubungan di antara pelbagai kaum;
- peningkatan tahap kesihatan komuniti dan produktiviti; dan
- peningkatan semangat kesukarelaan, penyertaan, kerjasama dan sokongan.

Di peringkat antarabangsa, sukan menyumbang kepada:

- pemupukan jalinan dan kerjasama antarabangsa;
- peningkatan ketahanan dan daya saing; dan
- peningkatan kecemerlangan dan imej negara.

Dalam konteks pembangunan ekonomi, sukan adalah satu sektor ekonomi yang dapat menjana pendapatan dan peluang pekerjaan, bukan sahaja kepada atlet tetapi juga kumpulan sokongan, pengeluar peralatan sukan, media dan lain-lain pihak yang berkaitan.

## **LATAR BELAKANG**

Sukan di negara ini dianjurkan oleh persatuan dan badan sukan. Selain itu, terdapat juga acara-acara yang dianjurkan secara sukarela oleh pihak swasta dan orang perseorangan. Tanggungjawab Kerajaan pula dilaksanakan mengikut skop dan peranan Kementerian Belia dan Sukan

dengan sokongan kementerian-kementerian lain yang terlibat melalui agensi masing-masing di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Secara amnya, peranan utama Kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan kewangan dan infrastruktur bagi membangunkan Program Sukan Untuk Semua dan Program Sukan Prestasi Tinggi.

Landasan utama untuk membudayakan sukan adalah berasaskan kepada penglibatan serta penyertaan sebahagian besar rakyat Malaysia dalam Program Sukan Untuk Semua di mana penglibatannya perlu dipertingkatkan. Penglibatan sukarelawan dalam memberi galakan dan menganjurkan aktiviti Program Sukan Untuk Semua di kalangan masyarakat adalah sangat penting. Namun demikian, semangat kesukarelaan ini sudah dilihat berkurangan dan ianya perlu dipertingkatkan.

Sukan Prestasi Tinggi pula telah berakar umbi di negara ini sebelum Merdeka lagi. Penyertaan atlet Malaysia di Sukan Olimpik bermula pada tahun 1956 di Melbourne, Australia. Sejarah penyertaan serta pencapaian atlet-atlet negara di pertandingan antarabangsa boleh dibanggakan hasil penyediaan peruntukan tahunan yang besar daripada Kerajaan bagi membangunkan program sukan ini.

Usaha untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat perlu dimulakan di peringkat usia muda. Pendekatan melalui aktiviti-aktiviti sukan dan pendidikan jasmani di sekolah perlu dipertingkatkan untuk mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi. Ini dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui bantuan sains dan perubatan sukan. Selain itu, peranan Institusi Pengajian Tinggi juga perlu diperluaskan dalam aspek kajian dan penyelidikan serta membantu mengembangkan budaya sukan.

Kerajaan berusaha untuk meletakkan sukan sebagai industri yang berperanan dalam memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Perancangan pertumbuhan sektor industri yang relevan dalam bidang sukan secara komprehensif dan menyeluruh termasuk aktiviti mengkomersialkan produk dan perkhidmatan, menjadikan bidang sukan sebagai satu kerjaya, mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasakan bidang sukan bagi tujuan menjana pendapatan dan memberi pulangan kepada pelaburan dalam bidang ini. Perkembangan industri sukan akan dapat mengubah pendekatan sukan tidak akan hanya bergantung kepada bantuan dan sokongan Kerajaan semata-mata.

Budaya sukan yang telah diwujudkan dapat dimantapkan lagi melalui penglibatan badan dan persatuan sukan yang dipimpin dan ditadbir urus dengan berkesan seperti yang termaktub dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Penyelarasan badan-badan sukan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah akan dimantapkan sebagai usaha memperkemaskan jentera pentadbiran sukan negara.

Dalam menentukan kejayaan ke atas usaha ini, peruntukan kewangan adalah penting. Sumbangan semua pihak terutamanya sektor swasta perlu dipertingkatkan supaya semua program/aktiviti dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## **OBJEKTIF**

Objektif Dasar Sukan Negara adalah untuk:

1. Memperkasakan budaya penglibatan dalam sukan di kalangan masyarakat;

2. Meningkatkan pengetahuan dan amalan bersukan ke arah mewujudkan budaya sukan di kalangan masyarakat;
3. Menggalakkan penyertaan aktiviti sukan yang lebih luas di semua peringkat bagi membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu;
4. Menyediakan peluang, insentif dan kerjaya bagi memenuhi keperluan asasi individu melalui sukan;
5. Menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat;
6. Memperkukuhkan badan dan organisasi sukan dengan amalan tadbir urus yang profesional;
7. Membangunkan sukan sebagai satu industri; dan
8. Mencapai kecemerlangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan semangat kesukanan yang tulen.

## **STRATEGI PELAKSANAAN**

Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi hendaklah dibangunkan serentak dengan penekanan yang berbeza. Sukan Untuk Semua yang berteraskan budaya penyertaan bertujuan untuk membolehkan rakyat melibatkan diri dengan aktiviti fizikal sebagai amalan gaya hidup yang aktif. Sukan Prestasi Tinggi yang berteraskan kepada budaya pencapaian pula berperanan untuk mencapai kecemerlangan di pertandingan sukan peringkat antarabangsa.

Perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian Dasar Sukan Negara ini perlu melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, bukan Kerajaan, pihak awam serta swasta.

Bagi mencapai setiap objektif di atas, strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

***Objektif 1: Memperkasakan budaya penglibatan dalam sukan di kalangan masyarakat.***

- Jabatan Belia dan Sukan bertanggungjawab memastikan budaya sukan diterapkan untuk menjadi amalan hidup rakyat melalui Pelan Tindakan Sukan Untuk Semua;
- Kementerian Pelajaran bertanggungjawab terhadap pemupukan minat pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan dengan ini perlu:
  - menyediakan peluang yang secukupnya untuk proses pengajaran-pembelajaran pendidikan jasmani kepada semua pelajar sekolah;
  - membangun dan menyelaraskan aktiviti sukan di peringkat sekolah dengan kerjasama daripada kementerian lain yang terlibat, termasuk persatuan-persatuan sukan kebangsaan; dan
  - menyediakan secukupnya guru-guru bertauliah dalam bidang pendidikan jasmani dan sukan untuk mengajar mengikut kurikulum yang disediakan.

- Kementerian Pengajian Tinggi perlu meningkatkan peranan untuk membudayakan sukan di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi; dan
- Setiap agensi perlu menggalakkan semangat kesukarelaan dalam penglibatan dan penganjuran aktiviti sukan.

***Objektif 2: Meningkatkan pengetahuan dan amalan bersukan ke arah mewujudkan budaya sukan di kalangan rakyat.***

- Penggalakan dan pendidikan sukan untuk masyarakat hendaklah diuruskan oleh pelbagai organisasi yang terlibat dalam pembangunan sukan negara dengan kerjasama media massa;
- Media sukan perlu memperuntukkan ruang yang lebih luas bagi pelaporan berita sukan tempatan;
- Jabatan Belia dan Sukan perlu menyediakan tenaga pakar untuk pembangunan peserta, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan bagi Program Sukan Untuk Semua;
- Kementerian Pelajaran perlu memantapkan kurikulum sekolah supaya sukan-sukan asas iaitu gimnastik, olahraga dan akuatik diberikan keutamaan dalam sukatan pelajaran pendidikan jasmani di semua peringkat persekolahan;
- Kementerian berkenaan juga perlu mewujudkan mekanisme untuk menilai tahap pencapaian fizikal pelajar sekolah di semua peringkat; dan

- Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah menjadikan aktiviti bersukan sebagai satu disiplin akademik di Institusi Pengajian Tinggi.

***Objektif 3: Menggalakkan penyertaan aktiviti sukan yang lebih luas di semua peringkat bagi membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu.***

- Penggalakan penubuhan yayasan hendaklah disokong dengan pengecualian cukai ke atas sumbangan yang diberikan kepada yayasan berkenaan;
- Yayasan yang ditubuhkan hendaklah berfokus kepada membangkitkan semula budaya sukan di peringkat akar umbi, membangunkan program kelab-kelab tempatan secara berterusan dan memupuk atlet-atlet muda yang berpotensi tinggi;
- Mempertingkatkan strategi pelaksanaan Program Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi oleh persatuan-persatuan sukan kebangsaan melalui struktur yang sesuai bagi membolehkan penglibatan di peringkat kelab-kelab sukan, dan seterusnya di peringkat negeri dan kebangsaan;
- Badan-badan bukan Kerajaan yang berkaitan boleh berperanan dengan mempromosikan aktiviti berasaskan kecergasan yang tidak memberi fokus kepada pertandingan bagi setiap lapisan masyarakat;
- Badan-badan sukan dalam sektor awam dan swasta menggalakkan dan menyelaraskan semua aktiviti sukan dalam pelbagai jabatan mereka bagi menjamin penyertaan dan amalan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan tenaga kerja sektor masing-masing;

- Menubuhkan satu unit penyelidikan dan pembangunan bagi mengukur dan menilai tahap pelaksanaan Dasar Sukan Negara bagi memantau keberkesanan program-program ke arah mencapai objektif Dasar ini;
- Pembentukan unit penyelidikan yang dimaksudkan adalah atas inisiatif Kementerian Belia dan Sukan; dan
- **Aksesabiliti**<sup>8</sup> kepada kemudahan-kemudahan sukan adalah asas utama yang menggalakkan keterlibatan dalam kegiatan fizikal.

***Objektif 4: Menyediakan peluang, insentif dan kerjaya bagi memenuhi keperluan asasi individu melalui sukan.***

- Kerajaan perlu memberi pengiktirafan dan menyediakan insentif yang setara dengan sumbangan yang diberikan oleh atlet, jurulatih dan pegawai sukan;
- Skim-skim kebajikan dan insentif sedia ada perlu dikaji secara berkala mengikut keperluan semasa bagi menjamin masa depan mereka;
- Jabatan Perkhidmatan Awam mewujudkan jawatan Pegawai Sukan di setiap jabatan dan agensi Kerajaan;
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah memberi keutamaan kepada atlet-atlet negara dalam mengisi jawatan tetap dalam perkhidmatan awam;

- Sektor swasta juga hendaklah memainkan peranan yang sama dalam memberi keutamaan kepada pengisian jawatan oleh atlet-atlet negara;
- Agensi Kerajaan dan swasta menawarkan biasiswa kepada atlet yang cemerlang dan berminat untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi;
- Kementerian berkaitan hendaklah menyediakan peluang melanjutkan pelajaran ke politeknik atau kolej bagi mereka yang tidak mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi;
- Menggalakkan peningkatan penyertaan dalam Sukan Untuk Semua dan kemajuan Sukan Prestasi Tinggi dengan sokongan sektor swasta dan dermawan secara menubuhkan yayasan-yayasan sukan bagi tujuan menaja segala kegiatan sukan; dan
- Pihak swasta dan individu digalakkan untuk menubuhkan yayasan atau menyumbang bagi membiayai program dan aktiviti sukan serta kebajikan atlet, jurulatih dan pegawai.

***Objektif 5: Menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat***

- Kementerian Belia dan Sukan menyediakan satu pelan tindakan 10 tahun bagi pembangunan infrastruktur sukan berasaskan kepada strategi Program Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi yang meliputi semua golongan masyarakat;
- Kementerian yang berkaitan juga bertanggungjawab menyelaraskan perancangan dan pengagihan segala kemudahan sukan dalam

negara serta memastikan setiap negeri tidak ketinggalan dari segi pengagihan ini;

- Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab merancang kemudahan sukan peringkat negeri dan daerah dan memastikan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Di samping itu, penyediaan pelan-pelan pembangunan bandar baru dan kawasan perumahan hendaklah mengambil kira kemudahan sukan dan penyelenggaraannya;
- Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama Kerajaan Negeri hendaklah memastikan status tanah lapang serta kawasan hijau yang digunakan untuk tujuan sukan tidak ditukar kepada kawasan pembangunan dan industri. Semua kemudahan sukan dan rekreasi awam termasuk kawasan bukit, gunung, tasik, gua, pantai dan seumpama diperlengkap serta diselenggarakan dengan sewajarnya;
- Semua pembinaan kemudahan sukan dan rekreasi awam yang baru perlu memenuhi syarat mesra Orang Kelainan Upaya (OKU);
- Sektor swasta dan badan bukan Kerajaan digalakkan membantu dalam membina dan mengurus infrastruktur sukan; dan
- Pihak Berkuasa Tempatan juga hendaklah memberi insentif yang setara bagi mengurangkan bayaran perubahan syarat tanah untuk pembinaan kemudahan sukan.

***Objektif 6: Memperkukuhkan badan dan organisasi sukan dengan amalan tadbir urus yang profesional***

- Badan dan persatuan Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi hendaklah dikendalikan oleh mereka yang berkelayakan dalam bidang berkaitan dengan sukan;
- Institusi Pengajian Tinggi hendaklah menubuhkan sekretariat tetap yang bertanggungjawab merangka dan melaksanakan Program Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi;
- Pembentukan jentera penyelarasan dalam bentuk jawatankuasa tetap untuk memantau pelaksanaan semua program di peringkat akar umbi;
- Jentera-jentera penyelarasan secara khusus bertanggungjawab memantau pelaksanaan Dasar Sukan Negara bagi program-program Sukan Untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi;
- Badan dan persatuan sukan di semua peringkat hendaklah diterajui dan ditadbir urus oleh mereka yang berkelayakan;
- Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara menyediakan sistem perkhidmatan yang dapat membina sumber tenaga pakar yang khusus untuk pembangunan atlet, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan bagi Sukan Prestasi Tinggi dan Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi Program Sukan Untuk Semua; dan
- Pesuruhjaya Sukan menguatkuasakan sepenuhnya peruntukan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997;

- Kepimpinan dalam membangunkan organisasi sukan perlu dimantapkan bagi meningkatkan mutu sukan negara secara telus.

### ***Objektif 7: Membangunkan sukan sebagai satu industri***

- Badan-badan Kerajaan, bukan Kerajaan dan swasta bertanggungjawab menggalakkan persekitaran yang sesuai bagi pembangunan industri sukan;
- Mempertingkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan sukan untuk penggunaan tempatan dan eksport;
- Pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan sukan hendaklah digalakkan melalui penyediaan insentif yang bersesuaian;
- Mempertingkatkan pemasaran dan promosi produk serta perkhidmatan sukan tempatan; dan
- Mempertingkatkan pelancongan sukan melalui lebih banyak penganjuran acara peringkat antarabangsa.

### ***OBJEKTIF 8: Mencapai kecemerlangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan semangat kesukanan yang tulen***

- Memberi tumpuan utama kepada jenis sukan dan acara yang dikenal pasti mempunyai peluang kejayaan yang tinggi di peringkat antarabangsa;
- Menyediakan kemudahan, keperluan dan kepakaran yang diperlukan bagi melahirkan atlet yang mampu bersaing;

- Kementerian Pelajaran perlu mewujudkan struktur organisasi yang kukuh untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam melahirkan lebih ramai atlet yang berbakat dan berpotensi;
- Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah menjalankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) bagi peningkatan kepakaran dalam bidang kejurulatihan, sains dan perubatan sukan;
- Institusi Pengajian Tinggi perlu menyediakan peluang dan ruang untuk atlet, jurulatih dan pegawai sukan bagi meningkatkan prestasi sukan dan akademik mereka;
- Peluang juga perlu diberikan kepada sukan-sukan yang lain untuk berkembang ke peringkat yang lebih tinggi;
- Majlis Sukan Negara bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan Sukan Prestasi Tinggi di semua peringkat;
- Institut Sukan Negara bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan sains dan perubatan sukan di semua peringkat;
- Badan dan persatuan sukan bertanggungjawab untuk menggalak dan membangunkan atlet, jurulatih dan pegawai sukan mereka di semua peringkat;
- Majlis Olimpik Malaysia merupakan badan induk kepada semua persatuan sukan kebangsaan yang bertanggungjawab khususnya dalam hal pemilihan atlet negara ke temasya sukan peringkat antarabangsa;

- Majlis Paralimpik Malaysia merupakan badan induk kepada semua persatuan sukan paralimpik yang bertanggungjawab khususnya dalam hal pemilihan atlet paralimpik negara ke temasya sukan peringkat antarabangsa; dan
- Agensi *Anti-doping* Kebangsaan (ADAMAS) perlu mempertingkatkan kempen kesedaran dan program pendidikan mengenai risiko penyalahgunaan bahan terlarang dalam sukan.

## **PENUTUP**

Dasar Sukan Negara memberi hala tuju kepada pembangunan sukan negara ke arah pemupukan integrasi nasional melalui amalan gaya hidup aktif dan sihat, pembinaan kesejahteraan diri dan **semangat kesukanan yang tulen**<sup>9</sup>. Kejayaan Dasar ini memerlukan kerjasama bersepadu semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, badan dan persatuan sukan, badan sukarela serta individu yang terlibat dalam sukan.

Matlamat utama Dasar Sukan ini adalah untuk menjadikan sukan sebagai satu budaya dalam kehidupan harian. Objektif dan strategi yang dinyatakan dalam Dasar ini bertujuan untuk memastikan segala usaha ke arah tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya sesuai dengan usaha mencapai status negara maju.

## **GLOSARI**

### **1. Budaya sukan**

Menjadikan sukan sebagai satu amalan hidup yang aktif, cergas, sihat dan bersaing.

### **2. Sukan Untuk Semua**

Semua kegiatan fizikal yang merangkumi segala aktiviti sukan, permainan tradisional, rekreasi fizikal dan kecergasan yang berlaku secara spontan atau terurus dengan tujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam kalangan masyarakat umum.

### **3. Sukan Prestasi Tinggi**

Sukan pertandingan yang diuruskan mengikut peraturan dan syarat-syarat Persekutuan Sukan Antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan Majlis Paralimpik Antarabangsa baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

### **4. Masa senggang**

Baki masa yang terluang setelah semua masa yang diperuntukkan untuk segala aspek kehidupan (seperti bekerja, solat, rehat, makan-minum dan bersosial) telah dilaksanakan.

### **5. Kemahiran pergerakan**

Jenis pergerakan yang mempunyai objektif tertentu dan dilakukan dalam keadaan sedar. Sebagai contoh, kemahiran menendang dengan objektif untuk membuat hantaran atau menjaringkan gol.

## **6. Kemahiran pergerakan asas**

Pergerakan-pergerakan yang diperolehi oleh individu secara semula jadi. Sebagai contoh, berlari, berjalan dan melompat.

## **7. Kemahiran pergerakan kompleks**

Pergerakan-pergerakan yang diperolehi oleh individu secara dipelajari. Sebagai contoh, lompat gaya Fosbury, servis tenis, memandu dan lari berpagar.

## **8. Aksesabiliti**

Mudah untuk diperolehi, digunakan dan tiada sekatan.

## **9. Semangat kesukanan yang tulen**

Semangat bersaing dalam aktiviti sukan dengan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan sukan berkaitan tanpa tujuan untuk bermusuhan, sengaja menyebabkan kecederaan kepada peserta lain atau penipuan.